

**Pertemuan tertutup Najib-wakil rakyat di T'ganu**  
**Malaysiakini.com**  
**Apr 30, 2011**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengadakan perjumpaan tertutup dengan semua anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan anggota Parlimen Terengganu serta beberapa pimpinan parti komponen BN Negeri, malam tadi.

Hadir sama, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Shafie Apdal yang juga Naib Presiden Umno, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang juga Anggota Parlimen Kemaman.

Turut serta dalam mesyuarat itu Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said yang juga merupakan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN tiba di Ri-yaz Heritage di Pulau Duyong, di Kuala Terengganu pada kira-kira pukul 10.30 malam, dan perjumpaan itu berakhir pada kira-kira pukul 12 tengah malam.

Semua 24 ADUN dan enam anggota Parlimen BN hadir pada perjumpaan itu.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dalam rangka lawatan kerja sehari ke Terengganu dalam Program Turun Padang Bersama Rakyat yang menyaksikan jadual padat sepanjang hari esok.

--Bernama